

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 29

## Bina Malaysia lebih mampan

EKONOMI MADANI MEMPERKASA RAKYAT

# BINA MALAYSIA LEBIH MAMPAN

MEMPERKASA rakyat menjadi asas dan melengkapi dasar baharu dilancarkan termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

Kuala Lumpur

Memperkasakan rakyat di bawah Ekonomi Madani akan menjadi kerangka yang memberi tumpuan kepada dua objektif utama iaitu menstruktur semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Matlamat utama kerangka ini adalah untuk membina Malaysia yang lebih baik dan mampan.

Kerangka ini dijangka dilaksanakan melalui pendekatan menyeluruh yang memerlukan mobilisasi sumber dan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhan.

Menurut laporan Tinjauan Ekonomi 2024, bagi menjayakan pelaksanaan kerangka ini, kerajaan memberikan penekanan dalam memperkukuh dua teras utama iaitu 'Menaikkan Siling' bagi memperkasakan ekonomi dan mengembangkan kekayaan negara, manakala kedua 'Menaikkan Lantai' bagi

memastikan manfaat berkualiti dan saksama untuk semua.

Kerangka ini juga terdiri daripada langkah jangka pendek dan sederhana untuk memacu pencapaian teras tersebut.

Memperkasakan rakyat akan menjadi asas dan melengkapi dasar baru dilancarkan termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RM-Ke-12).

Selain itu, kerangka ini adalah pendekatan holistik dibangunkan bagi menangani pelbagai cabaran dan kebimbangan yang mana langkah jangka pendek bertujuan menangani isu mendesak yang memberi kesan langsung kepada rakyat dan ekonomi.

Sementara itu, langkah jangka sederhana lebih tertumpu kepada peningkatan pencapaian negara dalam pelbagai aspek.

Untuk matlamat jangka pendek ia membolehkan penambahbaikan pelaksanaan pelbagai inisiatif sedia ada bagi menangani isu mendesak yang mem-

beri kesan kepada rakyat dan perniagaan.

Usaha itu antaranya mempercepat pelaksanaan projek khusus yang bertujuan menaik taraf sekolah dan klinik dai serta membasmi kemiskinan terag melalui pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat dan Konsep Payung Rahmah.

Seterusnya, untuk matlamat jangka sederhana, pada skala lebih besar, kerangka Ekonomi Madani menggariskan hala tuju ekonomi bagi meningkatkan pencapaian negara dalam pelbagai aspek.

Kerangka ini menetapkan tujuh penunjuk prestasi utama yang akan dicapai oleh Malaysia dalam tempoh 10 tahun.



### TUJUH PENUNJUK PRESTASI UTAMA



Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia



Tangga ke-12 teratas dunia dalam Days Saing Global



Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia



Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45 peratus



Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah



Ke arah kemampanan fiskal, sasaran defisit fiskal 3.0 peratus atau lebih baik



Kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60 peratus



**"Untuk matlamat jangka pendek ia membolehkan penambahbaikan pelaksanaan pelbagai inisiatif sedia ada bagi menangani isu mendesak yang memberi kesan kepada rakyat dan perniagaan"**

Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia

SPORMARK Metro